UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

## PERAKUAN PENYELIA

Dengan ini disahkan bahawa Latihan Ilmiah yang berjudul : "KAJIAN TENTANG PERWATAKAN DALAM NOVEL-NOVEL KHADIJAH HASHIM " oleh MAD ARIS BIN AZIS, telah diperiksa selengkapnya dan dinilaikan.

Rancangan Kesusasteraan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Tandatangan ________________

(Nama Penyelia)

Tarikh: ________________

# KAJIAN TENTANG PERWATAKAN DALAM NOVEL-NOVEL KHADIJAH HASHIM

MAD ARIS BIN AZIS

LATIHAN ILMIAH

BAHAGIAN KESUSASTERAAN

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1982/83

## SINOPSIS

Di antara unsur-unsur yang ada dalam sesebuah novel, perwatakan adalah unsur yang paling penting. Pembinaan sesebuah novel bergantung kepada kekuatan persembahan yang berseni dan perlukisan perwatakan dalam novel itu. Ringkasnya perwatakan adalah inti utama dalam sesebuah novel. Sebab itu dalam penulisan novel, novelis memberi perhatian lebih kepada aspek perwatakan. Mereka mencuba dengan berbagai-bagai cara persembahan perwatakan, khususnya dalam novel-novel di Barat.

Pada keseluruhan, perbincangan dalam kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama mengenai latar belakang diri pengarang, kedudukannya sebagai penulis di kalangan penulis tanahair amnya dan di kalangan penulis cerita khususnya. Dalam bab kedua pula akan dihuraikan sedikit tentang tema dan persoalan yang terdapat dalam tiap-tiap novel bersama ringkasan cerita dari novel-novel itu. Dalam bab ketiga pula penulis akan membicarakan dan membuat analisa tentang lain-lain unsur yang terbawa sama dalam novel-novel tersebut. Hal ini dianggap suatu amanat pengarang yang agak tersembunyi.

Bab keempat merupakan inti kajian ini secara keseluruhannya. Oleh sebab itu bab ini lebih panjang

daripada bab lain. Juga akan dibincangkan tentang watak dan perwatakan dari tiap-tiap novel. Huraian ini didahului dengan pengenalan ringkas watak-watak, perhubungan di antara watak-watak dan teknik penggambaran beberapa watak utama dan penting.

Bab kelima, iaitu bab terakhir adalah kesimpulan daripada keseluruhan perbincangan di atas.